



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
BAHAGIAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
JALAN KOLAM AIR 05675 ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04-733 2499 / 2500 / 2501 / 2502 FAX : 04-733 4377

NO.FAIL:

NO.RESIT :

SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA BEREDAR / BERGERAK
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

Peruntukan Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja dan Gerai. Lesen ini Tamat pada

1. Tiap-tiap peniaga statik / gerai yang menjalankan perniagaan di gerai Majlis Bandaraya Alor Setar hendaklah mempunyai lesen yang di keluarkan oleh Datuk Bandar, MBAS.
2. Lesen hendaklah dipamerkan semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindahmilik.
3. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut keterangan yang tertera didalam lesen dan petak yang dikhaskan untuknya.
4. Tiap-tiap peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dalam lingkungan 9 meter dari sesuatu simpang jalan.
5. Jarak perniagaan mestilah di luar lingkungan 3.6 meter dari pili bomba.
6. Dilarang menjalankan perniagaan di atas tangga, kaki lima atau siar kaki awam.
7. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau motosikal awam.
8. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di mana-mana kawasan yang difikirkan Majlis boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki.
9. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau motosikal awam.
10. Dilarang berniaga di kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital dan pasar awam.
11. Jarak perniagaan haruslah berada dalam kawasan 40 meter dari perhentian bas, stesen bas dan perhentian teksi.
12. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di semua kawasan pejabat kerajaan
13. Dilarang menjalankan perniagaan di mana-mana jalan awam yang ditentukan oleh Majlis.
14. Dilarang menjalankan perniagaan di semua jalan protokol, jalan utama serta jalan bandaran.
15. Mana-mana orang yang bertindak sebagai penjaja beredar hendaklah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.
16. Mana-mana penjaja beredar hendaklah mematuhi apa-apa notis arahan rasmi, pekeliling dan arahan lisan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pihak Majlis.
17. Para penjaja beredar adalah **DILARANG** sama sekali memindah milik menyewa atau memberi kebenaran kepada orang lain menggunakan lesen tersebut bagi tujuan perniagaan atau tujuan lain.
18. Mana-mana penjaja beredar / bergerak yang berhasrat menghentikan perniagaan hendaklah memaklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis dalam tempoh 14 hari daripada tarikh menghentikan perniagaan.
19. Mana-mana penjaja beredar / bergerak adalah **DILARANG** sama sekali membuat apa-apa tambahan struktur dan binaan kepada perniagaannya.
20. Pihak Majlis dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pihak Majlis berhak membuat lawatan dan pemeriksaan dari

masa ke semasa bagi apa-apa tujuan yang dianggap mustahak oleh pihak Majlis.

21. Tiap-tiap penjaja hendaklah menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup, menggunakan karung plastik yang mencukupi menurut syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
22. Tiap-tiap penjaja hendaklah dari masa ke semasa menjaga kebersihan kenderaan perniagaan seperti BRT/Kereta Tolak dan sebagainya supaya sentiasa bersih.
23. Mana-mana penjaja beredar adalah **DILARANG** sama sekali menempatkan meja dan kerusi semasa menjalankan perniagaan selain daripada waktu dibenarkan.
24. Tiap-tiap penjaja beredar hendaklah mengalihkan kenderaan dan perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.
25. Segala sisa makanan dan sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah dan hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Datuk Bandar.
26. Mana-mana penjaja adalah **DILARANG** sama sekali menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau membuang mana-mana darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.
27. Waktu operasi perniagaan bagi penjaja muslim pada bulan Ramadhan dibenarkan bermula dari jam 3.00 Petang.
28. Pihak Majlis akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Setiap arahan daripada Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dan pihak Majlis boleh menurut bicaranya menggantung/ membatalkan/ enggan memperbaharui lesen tanpa sebarang sebab dan notis.
29. Semua jenis perniagaan perlu menggalakkan dan memperkenalkan beg alternatif (beg bio) yang boleh diguna semula bagi menggantikan beg plastik.
30. Menggantikan penggunaan pembungkus makanan polisterina dengan penggunaan pembungkus makanan yang mesra alam atau boleh dikitar semula.
31. Penyedut minuman plastik (straw) tidak digalakkan kepada pelanggan.
32. Semua peniaga-peniaga digalakkan untuk menyediakan Bar Code QR (Pay) Bank berdaftar bagi memudahkan transaksi bayaran tanpa tunai (Cashless) di gerai.
33. Mana-mana pelesen yang melanggar apa-apa peruntukan syarat-syarat dibawah Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (MBAS) 2010 tindakan penguatkuasaan akan dikenakan ke atas permit / lesen akan dibatalkan tanpa sebarang notis.
34. Syarat-syarat tambahan :-
 - i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.
35. Majlis Bandaraya Alor Setar akan melaksanakan transaksi bayaran tanpa tunai (cashless) sepenuhnya di semua kaunter bayaran MBAS. Semua pelesen dinasihatkan supaya mengaktifkan Kad Kredit/ Kad Debit/ Perbankan Online bagi memudahkan urusan pembayaran tanpa tunai (Cashless).

PENGAKUAN PELESEN

Saya dengan ini mengaku jika syarat-syarat ini gagal dipatuhi, pihak Majlis berhak mengambil tindakan **UNDANG-UNDANG** termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya tanpa sebarang notis.

.....
Tandatangan

Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
BAHAGIAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
JALAN KOLAM AIR 05675 ALOR SETAR KEDAH
TEL: 04-733 2499 / 2500 / 2501 / 2502 FAX : 04-733 4377

NO.FAIL:

NO.RESIT :

SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA STATIK
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

Peruntukan Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja dan Gerai. Lesen ini Tamat Pada

1. Tiap-tiap peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dalam lingkungan 9 meter dari sesuatu simpang jalan.
2. Jarak perniagaan mestilah di luar lingkungan 3.6 meter dari pili bomba.
3. Dilarang menjalankan perniagaan di atas tangga, kaki lima atau siar kaki awam.
4. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau motosikal awam.
5. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di mana-mana kawasan yang difikirkan Majlis boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki.
6. Dilarang Berniaga di kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital dan pasar awam.
7. Jarak perniagaan haruslah berada dalam kawasan 40 meter dari perhentian bas, stesen bas dan perhentian teksi.
8. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di semua kawasan pejabat kerajaan
9. Dilarang menjalankan perniagaan di mana-mana jalan awam yang ditentukan oleh Datuk Bandar.
10. Dilarang menjalankan perniagaan di semua jalan protokol, jalan utama serta jalan bandaran.
11. Mana-mana orang yang bertindak sebagai penjaja berpetak hendaklah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.
12. Tiap-tiap penjaja yang dilesenkan hendaklah membawa dan mempamerkan lesen tersebut semasa menjalankan perniagaan.
13. Mana-mana penjaja berpetak hendaklah mematuhi apa-apa notis arahan rasmi, pekeliling dan arahan lisan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh pihak Majlis.
14. Para penjaja berpetak adalah **DILARANG** sama sekali menyewa atau memberi kebenaran kepada orang lain menggunakan lesen tersebut bagi tujuan perniagaan atau tujuan lain.
15. Para penjaja petak berlesen hendaklah menjalankan perniagaan dipetak yang dikhas untuknya oleh pihak Majlis.
16. Mana-mana penjaja yang menghentikan perniagaan hendaklah memaklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh menghentikan perniagaan.
17. Pihak Majlis dan mana-mana orang yang diberikuasa oleh pihak Majlis berhak membuat lawatan dan pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi apa-apa tujuan yang dianggap mustahak oleh pihak Majlis.
18. Tiap-tiap penjaja hendaklah menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup, menggunakan karung plastik yang mencukupi menurut syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

19. Mana-mana penjaja berpetak adalah bertanggungjawab membersihkan tempat perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.

20. Tiap-tiap penjaja berpetak hendaklah mengalihkan kenderaan dan peralatan perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.

21. Segala sisa makanan dan sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah dan hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Datuk Bandar.

22. Mana-mana penjaja adalah **DILARANG** sama sekali menyebabkan atau membenarkan, diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau membuang mana-mana darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau diatas mana-mana tempat awam lain.

23. Tiap-tiap penjaja berpetak adalah tidak dibenarkan membawa kenderaan masuk ke dalam kawasan perniagaan kecuali untuk tujuan mengalihkan barang.

24. Tiada mana-mana penjaja berpetak dibenarkan memaku tempat dipetaknya bagi tujuan mendirikan gerai.

25. Jenis perniagaan adalah seperti yang dibenarkan sahaja.

26. Waktu perniagaan adalah seperti yang dibenarkan sahaja.

27. Lokasi perniagaan adalah seperti yang dibenarkan sahaja.

28. Tiada mana-mana penjaja yang dibenarkan mendirikan bangunan atau mengubahsuai tempat petaknya.

29. Tiada mana-mana penjaja yang dibenarkan meninggalkan sebarang alatan atau harta benda perniagaan di petak penjaja.

30. Semua penjaja haruslah sentiasa menjaga kebersihan diri dan memastikan petak penjaja dalam keadaan bersih sebelum, semasa dan selepas menjalankan perniagaan.

31. Pelesen juga diwajibkan mempamerkan harga setiap jenis makanan

32. Waktu operasi perniagaan bagi penjaja makanan Islam pada bulan Ramadhan dibenarkan bermula dari jam 3.00 petang.

33.
.....
.....
.....

PENGAKUAN PELESEN

Saya dengan ini mengaku jika syarat-syarat ini gagal dipatuhi. Pihak Majlis berhak mengambil tindakan **UNDANG-UNDANG** termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya tanpa sebarang notis.

()

Tandatangan

Tarikh :



**MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
BAHAGIAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
JALAN KOLAM AIR 05675 ALOR SETAR KEDAH
TEL: 04-733 2499 / 2500 / 2501 / 2502 FAX : 04-733 4377**

**SYARAT-SYARAT PERMIT KERUSI DAN MEJA PENJAJA
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**

1. Pelekat hendaklah di pameran semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindah milik.
2. Tempoh sah permit satu (1) bulan sahaja dan perlu diperbaharui setiap bulan.
3. Waktu operasi dibenarkan mulai jam 6.00 petang sehingga 12.00 malam.
4. Lokasi yang dibenarkan :-
 - i) Kaki lima/ siar kaki.
 - ii) Bahu jalan yang mempunyai kawasan lapang di bahagian tepi.
 - iii) Bahu jalan yang mempunyai ukuran melebihi 10 kaki.
 - iv) Jalan mati.
 - v) Jalan tidak sibuk.
 - vi) Bukan jalan utama.
 - vii) Jalan yang tidak digunakan sebagai laluan awam/ kenderaan.
5. Bayaran satu meja adalah RM15.00 satu meja.
6. Kerusi meja yang diletakkan di tempat letak kereta Awam/ Persendirian dan siar kaki lima premis perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik tempat letak kereta awam/ persendirian dan mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik berjiran.
7. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan di kawasan perniagaan meja dan kerusi tambahan.
8. Tidak dibenarkan meletakkan meja/ kerusi dikawasan seperti berikut :-
 - a) Kawasan atas rumput atau kawasan lanskap.
 - b) Kawasan atas parit siap atau lorong (manhole).
 - c) Di atas jalan raya utama.
 - d) Tempat letak kereta bagi kawasan yang sibuk.

- e) Kawasan yang berhampiran dengan pili bomba, tandas awam dan depo sampah.
- f) Tempat-tempat lain yang tidak dibenarkan oleh pihak Majlis dari masa ke masa.

9. Tidak melakukan sebarang halangan dan gangguan di kawasan berkenaan.
10. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti memasak dan mencuci diluar premis.
11. Kawasan letak meja/ kerusi tidak boleh dipagar atau dijadikan hakmilik persendirian.
12. Tidak mengganggu lalulintas.
13. Jika Majlis Bandaraya Alor Setar menerima aduan yang berasas , permit perletakan meja dan kerusi boleh dibatalkan.
14. Peniaga hendaklah menjaga kebersihan semasa dan selepas tamat perniagaan.
15. Semua peralatan perniagaan tidak dibenarkan ditinggalkan selepas tamat perniagaan.
16. Mematuhi had bilangan dan saiz meja/ kerusi yang diluluskan serta memasang pelekat kelulusan di setiap meja yang telah diluluskan.
17. Majlis berhak untuk menyita , merampas serta melupuskan meja/ kerusi yang diletakkan melebihi bilangan yang dibenarkan.
18. Menyediakan tong sampah yang bertutup secukupnya di sekitar kawasan perniagaan.
19. Permit sementara meletak kerusi/ meja di kaki lima/ siar kaki hanya dibenarkan untuk pengusaha restoran / kedai makan dan minuman berkenaan sahaja.
20. Hendaklah sentiasa mempamerkan kelulusan permit sementara meletak kerusi/ meja di hadapan premis restoran/ kedai makan dan minuman supaya mudah dilihat oleh pegawai-pegawai yang menjalankan pemeriksaan.
21. Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon gagal mematuhi syarat-syarat perletakan kerusi/ meja di kawasan kaki lima/ siar kaki.
22. Kelulusan permit untuk meletak kerusi/ meja akan ditarik balik oleh Majlis sekiranya didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
23. Semua peniaga mestilah mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Majlis dan arahan-arahan Majlis dari masa ke semasa

secara lisan atau bertulis jika didapati melanggar mana-mana satu syarat atau akujanji yang ditetapkan , permit akan dibatalkan.

24.-----

PENGAKUAN PELESEN

Saya dengan ini mengaku jika syarat-syarat ini gagal dipatuhi. Pihak Majlis berhak mengambil tindakan **UNDANG-UNDANG** termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya tanpa sebarang notis.

()

Tandatangan

Tarikh :

